

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 13 JUN 2011, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 21

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1242-L43643
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah masih wujudnya masalah pemberian biasiswa dan tempat di Universiti di kalangan pelajar cemerlang yang mendapat keputusan 9A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.
2. PR-1242-L44540
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan laporan Malaysia Water Industry Guide 2010 menyatakan nilai purata *non-revenue water* (NRW) adalah 36.63% melibatkan 1.8 bilion meter padu air serta kerugian RM1.64 bilion. Apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah air tidak terhasil (NRW).
3. PR-1242-L44277
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-
 - (a) apakah pelan jangka masa panjang Kerajaan dalam menangani fenomena kenaikan harga minyak global terutamanya pengurangan subsidi minyak oleh Kerajaan telah meningkatkan beban hidup rakyat; dan
 - (b) apakah persiapan syarikat-syarikat petroleum dalam menyediakan kemudahan stesen-stesen NGV dalam usaha menggalakkan penggunaan NGV sebagai bahan bakar alternatif.

4. PR-1242-L43849
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah motif sebenar Himpunan Sejuta Belia yang diadakan pada bulan Mei 2011 yang lepas serta pembentukan kumpulan sukarelawan di kalangan belia bagi melahirkan belia yang sanggup memberi sumbangan kepada masyarakat dalam apa jua keadaan apabila diperlukan.
5. PR-1242-L43409
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
 - (a) pewujudan sekolah vokasional swasta untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi di kalangan belia dan beliawanis di negara ini secara *government funded programme*; dan
 - (b) rancangan Kerajaan mewujudkan lebih banyak sekolah menengah agama di negara ini terutama di kawasan luar bandar seperti di Parlimen Kinabatangan.
6. PR-1242-L44219
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
 - (a) status penstrukturan semula pengurusan sisa pepejal; dan
 - (b) kaedah atau proses yang diguna pakai dalam kitar semula dan guna semula sisa perbandaran.
7. PR-1242-L43229
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kelebihan yang akan diperolehi apabila Malayan Banking Berhad (Maybank) memuktamadkan pengambilalihan firma pembrokeran Singapura, Kim Eng Holding Limited.
8. PR-1242-L44447
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tentang pencapaian program *Work at home* sejak pelaksanaan program ini
 - (a) nyatakan jumlah peserta mengikut setiap negeri ; dan
 - (b) berapa jenis kerja yang sedang dijalankan oleh peserta-peserta ini dan anggaran pendapatan bulanan oleh setiap peserta dan nyatakan kawalan dan urusan Kementerian atas program ini.

9. PR-1242-L43805
Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) jumlah pengguna yang melayari Laman Web Online Application Jabatan Imigresen untuk semakan Entry Permit Application Status(SSPPM) bagi tahun 2010 dan 2011; dan
 - (b) sejauh manakah keberkesanan semakan tersebut kepada pemohon untuk mengelak keadaan di mana kesibukan pegawai sehingga talian *hotline* tidak dijawab.
10. PR-1242-L43484
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPTA/IPTS) dan keluasan tanah yang dimiliki mengikut negeri-negeri dan nyatakan jumlah cukai tanah yang perlu dibayar oleh institusi terbabit.
11. PR-1242-L43109
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan potensi impak cadangan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membuka pejabat perwakilannya di Beijing dari segi urusan tukaran wang, menarik pelaburan dan prestasi perdagangan dua hala Malaysia dan China.
12. PR-1242-L44641
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perkembangan terkini dalam perundingan FTA Trans Pacific Partnership. Adakah Kerajaan bercadang untuk membuka perolehan Kerajaan, perkhidmatan kesihatan, khususnya perubatan dan Intellectual Property Rights.
13. PR-1242-L43440
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah bekas pelatih khidmat negara sejak PLKN diperkenalkan hingga tahun 2010 dan apakah ukuran kejayaan program ini serta apakah tindakan susulan bagi memanfaatkan tenaga yang ramai ini dalam pembangunan sosial negara.
14. PR-1242-L44869
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah perlaksanaan projek RMK10 yang dilaksanakan oleh JKR mengikut perlaksanaan 2 tahun *rolling plan* bermula 2011.

15. PR-1242-L43115
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) kadar kemalangan jalan raya dan kadar kematian Januari hingga April 2010 dan 2011; dan
 - (b) nyatakan apakah perancangan dan tindakan serius Kerajaan bagi mengatasi isu ini.
16. PR-1242-L43567
Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian telah merombak sistem kenaikan pangkat jawatan Pengarah di PDRM kerana akhir-akhir ini perantikan pegawai tinggi PDRM dibuat tanpa pengesahan Suruhanjaya Perkhidmatan Polis.
17. PR-1242-L43681
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan tentang rancangan menyeluruh untuk menjadikan Gunung Ledang sebagai destinasi pelancongan utama dalam negara dan bagaimana serta bila destinasi dan program pelancongan tersebut dimasukkan dalam Kalendar Pelancongan Kebangsaan.
18. PR-1242-L43530
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kerajaan telah bersetuju untuk bekerjasama dengan Dewan Perniagaan Industri German (MGCC) untuk mewujudkan industri tenaga solar secara besar-besaran di negara ini serta apakah tidak wujud lagi teknologi tempatan dari kajian akademik dan dibangun atau dimajukan oleh industri.
19. PR-1242-L43274
Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan bercadang menyediakan Akta Halal bagi membolehkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menguatkuasakan sendiri undang-undang berkaitan pengeluaran logo halal di Malaysia.
20. PR-1242-L44570
Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan jumlah Rumah Homestay yang tersebut di daerah Klang dan di Negeri Selangor serta jumlah perbelanjaan dari Kementerian untuk mempromosi Program Homestay sejak dilancarkan. Nyatakan juga faktor-faktor akan rendahnya bilangan Homestay di Selangor berbanding negeri lain.

21. PR-1242-L43248
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) apakah pendekatan yang diambil oleh Kerajaan terhadap isu golongan muda berhijrah dari kampung ke bandar meninggalkan bendang dan kebun (yang diusahakan oleh nenek moyang mereka) kerana ketiadaan kemudahan jalan raya, seperti mana yang dialami oleh Orang Ulu dan Dayak di Sarawak; dan
 - (b) bagaimanakah program *touch point* dimanfaatkan kepada golongan ini dan dapat mengubah fenomena di atas.
22. PR-1242-L44619
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kelayakan-kelayakan dan pengalaman semua Hakim Mahkamah-mahkamah disiarkan kepada umum di laman web kehakiman dan apakah kelayakan-kelayakan tersebut dan sekiranya tidak, kenapa.
23. PR-1242-L43204
Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan setelah gagal mewujudkan Pelabuhan Tuna di Pulau Pinang, adakah pihak Kerajaan sanggup mewujudkan Pelabuhan Ikan (termasuk Tuna) Antarabangsa di Kuala Perlis, yang sejarahnya pernah satu ketika dahulu, menjadi pusat pendaratan ikan yang terbesar di Malaysia.
24. PR-1242-L44623
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah satu kesalahan serius yang boleh diambil tindakan undang-undang terhadap orang yang berkata secara terbuka bahawa beliau sanggup berjihad terhadap pihak tertentu demi agama dan bangsanya.
25. PR-1242-L43357
Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perlaksanaan pasar komuniti yang diterajui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang akan mengubah wajah pelbagai jenis pasar yang ada di Malaysia menjadi sebuah pusat jualan lebih moden dan berstruktur sejajar di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKRA).
26. PR-1242-L44428
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa kes kemalangan jalanraya melibatkan penumpang dan pemandu rentung. Sila senaraikan statistik di antara 2000 ke 2011 mengikut:-
- (a) bilangan mangsa; dan
 - (b) model kenderaan dan usia kenderaan.

27. PR-1242-L43623
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulau] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan dasar Kerajaan untuk membangunkan sektor koperasi di dalam negara.
28. PR-1242-L44283
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kedudukan baki penjimatan subsidi minyak berjumlah RM4.4 bilion pada tahun 2006 serta nyatakan projek-projek pengangkutan awam yang dilaksanakan atau dilaburkan hasil dari penjimatan tersebut.
29. PR-1242-L43825
Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tahap pelaksanaan penukaran sistem lampu jalan (*street light*) jenis konvensional kepada sistem LED yang semakin banyak dilakukan di negara asing untuk mengurangkan kos perbelanjaan tenaga di samping meningkatkan keselesaan pengguna jalan raya dan rakyat.
30. PR-1242-L44160
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil siasatan polis terhadap sebaran video lucah di Internet yang mengaitkan ahli politik di negara kita dan juga sebaran dalam bentuk CD secara meluas di merata tempat awam.
31. PR-1242-L44067
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci mengenai mekanisme Skim 1Care.
32. PR-1242-L43182
Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah status perlaksanaan setakat ini projek bekalan elektrik luar bandar yang diluluskan di bawah program NKRA (2010-2012) di Parlimen Sri Aman.
33. PR-1242-L44225
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah benar dakwaan bahawa Jambatan ke 2 Sultan Yahya Petra di Kota Bharu telah siap 63% pembinaannya.
34. PR-1242-L43359
Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah tempoh kajian persempadanan semula kawasan-kawasan pilihan raya bagi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang wajib dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan adakah Kerajaan mempunyai komitmen untuk mengarah SPR melakukan kajian persempadanan ini sebelum Pilihan Raya Umum ke-13.

35. PR-1242-L44374
Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengenai status program Cintailah Sungai Kita dan berapakah bajet yang disediakan Kerajaan bagi tujuan tersebut dalam tempoh lima tahun dan sejauh manakah hasil yang telah diperolehi.
36. PR-1242-L44097
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap laporan World Bank berkenaan masalah *brain drain* negara ini dan nyatakan apakah Talent Corporation akan lakukan berdasarkan maklumat laporan tersebut.
37. PR-1242-L43225
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan anggaran kos bagi penubuhan Suruhanjaya Diraja untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang berbangkit.
38. PR-1242-L43714
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan faedah kewangan yang diterima oleh Malaysia dalam perjanjian pertukaran pemohon suaka antara Australia dengan Malaysia.
39. PR-1242-L43143
Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) apakah Kementerian mempunyai statistik menangani sejauh mana kejatuhan moral dan disiplin dikalangan pelajar di negara ini; dan
 - (b) apakah ada rancangan dan pelan tindakan yang sudah dirangka untuk dilaksanakan agar keruntuhan moral dan disiplin dikalangan pelajar tidak terus menjunam seperti yang terpampang dalam media cetak mahupun media maya dimasa ini.
40. PR-1242-L43213
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
- (a) bagaimakah Kokus Persahabatan Malaysia-EU memainkan peranan proaktif dalam perhubungan bilateral perdagangan, kebudayaan, pendidikan dan alam sekitar; dan
 - (b) nyatakan secara spesifik terhadap perhubungan bilateral perdagangan, kebudayaan, pendidikan dan alam sekitar yang sedang berkembang di antara Belanda dan Malaysia.

41. PR-1242-L43972
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa peratuskah pencarum PERKESO, dan berapa peratuskah pencarum yang membuat tuntutan serta yang tidak membuat tuntutan. Mohon mengkaji semula agar pencarum yang tidak membuat tuntutan mendapat kembali caruman.
42. PR-1242-L43513
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah akhbar Utusan Malaysia dan Perkasa yang sentiasa melaungkan artikel serta sentimen berbau perkauman diberikan immuniti khas dari sistem perundangan.
43. PR-1242-L44649
Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian (3) tiga tahun yang terdahulu dan tahun-tahun akan datang dalam mempermudah pinjaman-pinjaman kecil atau dana-dana tertentu untuk usahawan-usahawan kecil (IKS) terutama bagi golongan Bumiputera luar bandar.
44. PR-1242-L45035
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan turut menghentikan pengiktirafan baru dan penghantaran pelajar ke kolej-kolej perubatan di Mesir dan Indonesia, serta rasionalnya tindakan sedemikian.
45. PR-1242-L44378
Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk memberi kefahaman konsep dan matlamat transformasi Kerajaan kepada kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat daerah dan negeri di seluruh negara.
46. PR-1242-L43996
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah nilai hutang syarikat-syarikat yang mendapat penswastan dari Kerajaan yang akhirnya terpaksa ditanggung oleh Kerajaan serta namakan syarikat-syarikat tersebut.
47. PR-1242-L43570
Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) di dalam membangunkan industri minyak dan gas dan aktiviti berkaitan di Wilayah Persekutuan Labuan.
48. PR-1242-L45018
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bahawa memandangkan Program PPSMI telah dimansuhkan pada tahun 2009, apakah kegunaan lain 200,563 buah komputer riba yang diberikan kepada guru-guru di bawah program tersebut.

49. PR-1242-L43764
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah penyelesaian untuk mengatasi masalah pencemaran air dan bau busuk di tapak pelupusan Bandar Renggam yang semakin serius dan telah mengancam kesihatan dan mempengaruhi kehidupan penduduk di sekeliling.
50. PR-1242-L44112
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan kedudukan 80 peratus penyewa perumahan awam yang gagal membayar tunggakan sewa rumah dan apakah rancangan untuk membantu mereka yang tidak mampu menjelaskan tunggakan.
51. PR-1242-L44002
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah pelaburan Amerika Syarikat di negara ini pada separuh penggal tahun 2009 dan 2010; dan
 - (b) adakah Kerajaan merasakan forum Invest Malaysia 2011 adalah satu platform terbaik dalam usaha menarik lebih banyak pelabur dari Amerika Syarikat untuk terus melabur di negara ini.
52. PR-1242-L43843
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana seruan *global movement of moderates* Perdana Menteri boleh direalisasikan sementara kenyataan yang boleh mengancam kehormonian Malaysia seperti pelancaran 'jihad' terhadap orang Kristian tidak diambil tindakan yang sewajarnya.
53. PR-1242-L43861
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pertemuan YAB Perdana Menteri dengan pemimpin-pemimpin agama Kristian baru-baru ini telah dapat meredakan sedikit sebanyak ketegangan yang telah dicetuskan oleh pihak-pihak tertentu.
54. PR-1242-L44089
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan kes rasuah yang melibatkan PUSPAKOM setiap tahun sejak mulanya operasi PUSPAKOM.

55. PR-1242-L44288
Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah kos yang telah dibelanjakan bagi menjayakan sambutan Hari Belia Negara dan Perhimpunan Sejuta Belia. Sejauh manakah ianya berkesan memberi fahaman dan menanamkan sikap tahu berterima kasih para belia kepada Kerajaan yang telah menyediakan segala keperluan pembangunan belia dalam segala bidang kehidupan.
56. PR-1242-L43489
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) apakah status permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menaiktaraf kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang menjadi sebuah bandar raya; dan
 - (b) sama ada Kerajaan Pusat akan memulihkan Pilihan raya Kerajaan Tempatan bersama Pilihan raya Umum Ke-13
57. PR-1242-L44061
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah kedudukan terkini Indeks Harga Pengguna dan kesan kenaikan harga beberapa kali RON97 serta beberapa barangan utama pengguna di dalam Negara kita.
58. PR-1242-L44595
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci dari manakah sumber Kerajaan untuk membiayai :-
- (a) kos perjalanan dan perbelanjaan program rancangan Wanita Pertama sewaktu ke Turki baru-baru ini ; dan
 - (b) kos program anjuran Wanita Pertama seperti Sidang Kemuncak Wanita Global 2011 dan Forum Wanita Pertama yang turut diadakan.
59. PR-1242-L44254
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah PDRM tidak mengambil sebarang tindakan terhadap Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik, Datuk Shazryl Eskay Abdullah dan Datuk Shuib Lazim yang menayangkan video lucah di Hotel Carcosa Seri Negara dan memanggil orang ramai menontonnya.

60. PR-1242-L43608
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan projek penanaman semula di RISDA Charuk Ngai dan Charuk Bakong, Sik didapati tidak berjalan lancar. Terdapat tanah pekebun kecil yang telah dibersihkan sejak 2 tahun yang tidak dapat ditanam kerana kekurangan benih dan peruntukan kewangan yang tidak mencukupi. Minta Menteri memberi penjelasan status kedudukan sebenar projek ini.
61. PR-1242-L43334
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berkenaan dengan kelewatan menyiapkan projek Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kelantan :-
- (a) berapakah kos terkini bagi projek tersebut; dan
 - (b) apakah punca kelewatan bagi menyiapkan projek tersebut.
62. PR-1242-L44227
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan Jambatan Manek Urai yang dijanjikan oleh Kerajaan dalam Pilihan raya Kecil DUN Manek Urai pada 14 Julai 2009.
63. PR-1242-L44936
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perbezaan bidang kuasa antara polis bantuan dengan polis biasa dan adakah status anggota Ikatan Relawan (RELA) yang menjadi polis bantuan sama dengan polis bantuan.
64. PR-1242-L44375
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa orang *cardiologist* yang sedang bertugas di Hospital Pakar Jantung di Kota Samarahan, Samarahan. Berapa antara mereka yang layak untuk menjalankan pembedahan (*surgery*) dan apakah jangkamasa purata seorang pesakit harus menunggu untuk dijalankan pembedahan.
65. PR-1242-L43360
Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sumbangan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berstatus universiti penyelidikan dan berasaskan pertanian dalam melahirkan pekerja mahir dalam sektor pertanian di negara ini sejajar Dasar Pertanian Negara (DPN).
66. PR-1242-L44809
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan untuk membuka pejabat agama atau pusat dakwah di kawasan luar bandar seperti di kawasan Sibuti memandangkan kekurangan guru-guru agama muda yang dilihat memberi pengajaran dan dakwah di kawasan luar bandar sejak kebelakangan ini.

67. PR-1242-L44489
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) status terkini siasatan penyelewengan yang berlaku seperti yang dicatatkan dalam Laporan Audit Negara dari 2005 hingga 2010; dan
 - (b) berapa ramai orang yang telah dikenakan tindakan dan apakah jenis tindakan-tindakan tersebut.
68. PR-1242-L44194
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbezaan peranan yang akan dimainkan oleh Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Jabatan Bantuan Guaman (JPM) dan Legal Aid Centre (Majlis Peguam Malaysia).
69. PR-1242-L43734
Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan pemberian vitamin dan mineral kepada murid-murid sekolah untuk mengganti program susu memandangkan kebanyakan murid-murid sekolah keturunan Asia adalah '*lactose intolerance*'.
70. PR-1242-L44480
Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan berkesan yang diambil Kerajaan untuk membanteras pendatang tanpa izin dan kemasukan warga asing ke dalam negara di atas alasan perlindungan suaka.
71. PR-1242-L44043
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bahawa sementara langkah meningkatkan simpanan SRR (Statutory Reserve Requirements) adalah munasabah difahami akan sebab dilakukan, mengapa BNM turut meningkatkan OPR dengan 0.25 *percentage point* ke 3% yang pasti akan meningkatkan BLR dan kos pinjaman serta berpotensi menjejaskan proses pemulihan (*recovery*) ekonomi negara.
72. PR-1242-L44553
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang isu bahan haram yang ada dalam ramuan pembuatan roti dalam negara. Apakah tindakan dan pemantauan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan agar roti yang dijual dipasaran terjamin halal.
73. PR-1242-L44977
Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah status pelaksanaan BELB di negeri Sarawak khususnya di kawasan Parlimen P192 Mas Gading yang dijangka akan (95%) siap dilaksanakan pada tahun 2012.

74. PR-1242-L44035
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah guru bukan berbangsa Cina yang dihantar ke China untuk mempelajari Bahasa Mandarin dan apakah perancangan Kementerian apabila mereka pulang nanti.
75. PR-1242-L44810
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah bentuk inisiatif Kementerian yang telah dilaksanakan di Sarawak sepanjang 3 tahun lepas dan apakah bentuk projek pihak Kementerian dapat dilaksanakan di kawasan luar bandar seperti Parlimen Sibuti dalam menggalakkan penggunaan teknologi hijau.
76. PR-1242-L43877
Tuan Wong Ho Leng [Sibü] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kriteria untuk pemberian biasiswa JPA, mengapa terdapat banyak pelajar dengan keputusan cemerlang dinafikan biasiswa atau tidak diberikan kursus pilihan mereka dan mengapa masalah yang sama masih berlaku bertahun-tahun.
77. PR-1242-L44284
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan 5 pelaburan terbesar oleh pelabur asing sepanjang tahun 2006 hingga 2010.
78. PR-1242-L43650
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah pihak Kementerian akan memansuhkan Ordinan Darurat yang masih berkuatkuasa memandangkan jawapan Menteri yang bersetuju dengan pemansuhan ini.
79. PR-1242-L43803
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan makanan global dan harga makanan yang tinggi.
80. PR-1242-L43599
Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah dan tindakan yang diguna pakai dalam menguatkuasakan cadangan dan sokongan yang dibuat oleh Transparency International Malaysia (TI-M) dan Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) -Rasuah untuk tidak membenarkan pembiayaan asing dalam sebarang pilihan raya di negara ini.

81. PR-1242-L44713
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah kawalan Kerajaan terhadap syarikat-syarikat telco yang banyak membuat berbagai promosi bermotif keuntungan mereka sahaja tetapi orang ramai tidak semuanya faham atau semak bil-bil itu. Untuk *post-paid* bil-bil yang dikeluarkan kepada pelanggan dengan pelbagai caj itu tidak mudah difahami dan selalu mempunyai pelbagai caj yang pelanggan tidak tahu.
82. PR-1242-L43544
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kelayakan seseorang untuk menduduki kerusi Za'aba dan kerusi Ghafar Baba di UPSI. Apakah kelayakan keilmuan, sumbangan dan akademik yang akan menjadikan seseorang itu wajar untuk mewakili ketokohan kerusi yang diwujudkan.
83. PR-1242-L44290
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbelanjaan Suruhanjaya Pilihanraya, PDRM dan Kerajaan dalam pilihanraya DUN Sarawak.
84. PR-1242-L44488
Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah sebab-sebab pada tahun 2011 maka kejohanan Ironman tidak diadakan dan adakah pertandingan sedemikian akan diadakan kembali pada tahun-tahun akan datang.
85. PR-1242-L44690
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah di antara Ahli Jemaah Menteri sekarang yang pernah mengambil kemudahan (*loan*) dari institusi kewangan tetapi telah menjadi *non-performing loan (NPL)*.
86. PR-1242-L43358
Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah berkesannya perhubungan antara jabatan di bawah Kementerian dengan Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis-majlis Daerah dan lain-lain jabatan yang berkaitan bagi memastikan tidak merebaknya punca-punca pencemaran alam sekitar di negara ini.
87. PR-1242-L44164
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan kutipan parkir awam hanya dalam tempoh waktu bekerja dan selepas waktu bekerja ianya adalah percuma:-
- (a) sejauh manakah pemantauan pihak berkuasa terhadap pemungut sewa parkir tidak berlesen di waktu malam yang berkeliaran di bandaraya Kuala Lumpur; dan

- (b) apakah pihak berkuasa bercadang untuk mengawal dan menyelaraskan kutipan parkir oleh pihak persendirian yang dilihat berbeza walaupun di lokasi yang sama.

88. PR-1242-L44419

Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) apakah 10 sebab Malaysia menjadi destinasi yang tepat untuk melabur dan kejayaan serta reaksi daripada para-para pelabur sewaktu berucap di Forum "Invest Malaysia New York 2011"; dan
- (b) sejauh manakah penerimaan Konsep Wasatiah (Konsep kesederhanaan) terutama bagi Kerajaan golongan intelektual, ulama dan ketua perniagaan di seluruh dunia.

89. PR-1242-L43127

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan statistik gejala buli dan masalah disiplin di sekolah dan apakah langkah untuk menanganinya.

90. PR-1242-L44331

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan afirmatif (tindakan kesungguhan) untuk membantu mengangkat kedudukan ekonomi Bumiputera yang belum mencapai sasaran 30% di bawah program Model Baru Ekonomi (MBE) dan program Transformasi Ekonomi Negara serta nyatakan apakah hak-hak keistimewaan orang Melayu yang diberikan oleh Kerajaan kepada kaum Melayu dan Bumiputera sebagaimana Perlembagaan 153.

91. PR-1242-L43938

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana beliau dapat mendidikkan rakyat Malaysia mendukung kesederhanaan dan permodenan secara bersama seperti yang disarankan di Oxford pada bulan Mei. Adakah beliau sedia mengambil tindakan yang tegas dan adil terhadap sesiapa sahaja yang menimbulkan hasutan agama dan kaum.

92. PR-1242-L44310

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebabnya subsidi gula dan minyak dipotong sedangkan subsidi gas yang melibatkan perbelanjaan RM19 bilion setahun terus dibekalkan. Nyatakan jumlah dan jenis subsidi setiap tahun sejak 1999 dan penjimatan subsidi yang dipotong.

93. PR-1242-L43743
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tangkapan bagi kes-kes menerbit, mengedar dan membuat tayangan video lucah di seluruh negara sejak 2008 hingga sekarang dan apakah jenis tindakan atau hukuman yang dikenakan bagi kes-kes tersebut.
94. PR-1242-L44857
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos perbelanjaan siri advertorial Economic Transformation Programme (ETP) dalam akhbar sejak ETP dilancarkan. Memandangkan email 1Malaysia adalah inisiatif swasta, kenapakah Kerajaan perlu membelanjakan wang untuk menyiarkan advertorial "Truths and Lies about MyEmail" untuk mempertahankan projek email 1Malaysia pada 6 Mei 2011.
95. PR-1242-L44999
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kadar kemiskinan bukan Bumiputera sejak 2008 hingga kini dan sebutkan perancangan terperinci Kerajaan untuk membantu mereka termasuk pinjaman.
96. PR-1242-L45007
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan konsep pendidikan percuma yang pernah dimaklumkan sebelum ini tetapi telah menimbulkan kekeliruan terhadap ibu bapa yang masih membayar yuran persekolahan serta nyatakan perbelanjaan untuk memastikan pendidikan percuma berjaya dilaksanakan.
97. PR-1242-L44944
Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah pendirian dan sikap Kerajaan apabila melibatkan ahli sukan wanita Muslim mewakili negara terpaksa berpakaian yang mana hukumnya haram serta menjolok mata.
98. PR-1242-L43584
Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sehingga 10 Jun 2011, bilangan pelajar yang mendapat keputusan A+ dalam semua mata pelajaran SPM tahun peperiksaan 2010 yang telah ditawarkan biasiswa JPA program ijazah luar negara dan apakah sebabnya bagi mereka dari kategori ini gagal mendapat biasiswa tersebut.
99. PR-1242-L44687
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha-usaha atau kemampuan yang ada pada Kementerian untuk memastikan kualiti rumah mengikut piawaian atau mengikut spesifikasi dipatuhi oleh pemaju perumahan seperti yang mereka janjikan kepada pembeli.

100. PR-1242-L44311
Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah pendirian dan tindakan Kerajaan terhadap umat Islam yang menganut fahaman pluralisma yang meletakkan kepercayaan bahawa semua agama adalah sama sebagai aqidah mereka; dan
 - (b) adakah benar penganut fahaman pluralisma ini boleh membawa kepada kesesatan dan murtad sebagaimana yang dinyatakan oleh SS Tan Sri Harussani Zakaria, Mufti Negeri Perak.
101. PR-1242-L43759
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) adakah Menteri berpuas hati dengan alasan diguna pakai sehingga membatalkan pendaftaran Parti Keadilan Rakyat; dan
 - (b) sama ada surat daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan bertarikh 9 Mei 2011 merupakan kesilapan menggunakan fasal untuk menghukum parti pembangkang.
102. PR-1242-L43880
Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada penyiasatan/penyelidikan telah dijalankan bagi memastikan sama ada kesalahan telah dilakukan oleh Perdana Menteri di Sibu pada 15 April 2010 ketika beliau menyatakan "*You help me, I help you*" dalam kempen untuk Barisan Nasional bagi pilihan raya kecil Sibu.
103. PR-1242-L43168
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedar bahawa skim gaji, pangkat dan ganjaran pegawai dan kakitangan Kerajaan di peringkat jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Negeri Sarawak adalah terlalu jauh rendah dan ketinggalan berbanding dengan yang sedia ada dan diguna pakai di peringkat jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan.
104. PR-1242-L43455
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah mengikut peratus dari kalangan graduan pelbagai jurusan yang masih lagi menganggur selepas tamat pengajian diantara 1 hingga 3 tahun dan apakah punca-punca utama, mereka masih gagal mendapat pekerjaan yang mana pihak Kerajaan menyatakan masih banyak lagi kekosongan pekerjaan di sektor awam dan swasta.

105. PR-1242-L45033
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian akan menjadikan Klinik Kesihatan Dabong di Kuala Krai sebagai klinik dengan kemudahan bilik bersalin dan katil untuk bermalam.
106. PR-1242-L43140
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status permohonan pembinaan dan penaiktarafan Jalanraya Bukit Huang Sekumang, Sarikei ke Tg. Manis sepanjang 15 kilometer dipercepatkan dalam *rolling plan* pertama, RMKe-10. Nyatakan juga jarak terdekat melalui jalan darat dari Sarikei ke Tg. Manis selain daripada jalan air.
107. PR-1242-L43581
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan memberi penjelasan status pembinaan UiTM di kawasan Sik. Bilakah UiTM ini akan mula dibina.
108. PR-1242-L43574
Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah dasar Malaysia terhadap perkembangan di Yemen, Bahrin, Libya, Syria dan Negara-negara Arab lain yang menghadapi pergolakan dalaman sekarang ini.
109. PR-1242-L44405
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah biasiswa JPA yang ditawarkan pada tahun 2011 mengikut Program Ijazah Luar Negara (PILN) dan Program Ijazah Dalam Negara (PIDN) dan sila berikan bilangan penerima biasiswa mengikut pecahan kaum dalam setiap program tersebut.
110. PR-1242-L44992
Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa peruntukan yang telah diluluskan untuk memperbaiki pulih dan menaiktaraf Klinik Kesihatan Luar di Pekan Balingian Bahagian Mukah di Sarawak.
111. PR-1242-L43967
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa banyak klinik desa yang dibina di pedalaman Sarawak dalam 20 tahun kebelakangan ini. Berapa banyak permohonan untuk membina klinik desa di pedalaman Sarawak selain daripada Long Urun di Belaga dan kenapakah permohonan-permohonan ini ditolak.

112. PR-1242-L43845
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah positif yang sedang diambil oleh Kementerian dalam usaha menambah baik prestasi Kementerian dalam perkara berikut:-
- (a) meningkatkan gaji minimum anggota ATM yang sekarang terpaksa bekerja sambil untuk menampung kos kehidupan yang semakin mendesak; dan
 - (b) melaksanakan Akta Veteran bagi membela nasib 300,000 veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang sebahagian besarnya tidak berpcen
113. PR-1242-L43257
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah warga asing yang bekerja di ladang FELDA di seluruh negara dan nyatakan langkah FELDA bagi menarik lebih ramai pekerja tempatan bekerja di ladang milik FELDA.
114. PR-1242-L43491
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah JKKKP di Negeri Pulau Pinang dan senaraikan jumlah yang ditubuhkan dan apakah peruntukan sedia ada dan elaun untuk setiap JKKKP pada 2011. Adakah Menteri berpuas hati dengan prestasi JKKKP.
115. PR-1242-L45065
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) menamakan kesemua GLC dan yang telah terlibat dalam perjanjian satu pihak dengan sektor swasta seperti antara Petronas dengan Omak Simfoni Sdn Bhd dan Omak Damai Sdn Bhd yang dikendalikan oleh Datuk Fathis, Datuk Fuad dan Datuk Farish dan antara MAS yang terlibat pembekal makanan; dan
 - (b) apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk membatalkan perjanjian satu pihak dimana ia bertentangan dengan polisi awam.
116. PR-1242-L43700
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada tindakan yang diambil terhadap Utusan Malaysia yang mencetuskan kontroversi dengan artikel 'Kristian Agama Rasmi' yang bersifat perkauman dan hasutan baru-baru ini terlalu ringan berbanding dengan tindakan yang pernah diambil terhadap akhbar lain seperti Sarawak Tribune, Suara Keadilan dan China Press.

117. PR-1242-L44367
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilakah akta gaji minimum boleh dilaksanakan dan berapakah jumlah yang telah dicadangkan.
118. PR-1242-L44544
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah institusi asing seperti Australia and New Zealand Banking Group Ltd, yang sudahpun memiliki 23.8% di dalam AMMB Holdings Berhad dibenarkan untuk membeli pegangan ekuiti bank-bank tempatan yang lain, seperti RHB Bank Berhad contohnya.
119. PR-1242-L43298
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pengagihan lesen perniagaan mengikut kaum yang dikeluarkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pahang, Selangor, Kelantan, Johor dan Pulau Pinang sejak tahun 2008.
120. PR-1242-L44834
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rujukan piawaian pengangkutan awam terbaik yang dipakai oleh Malaysia dan usaha ke arah mencapainya.
121. PR-1242-L44096
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan kempen Jangan Merokok yang dilaksanakannya, juga jumlah mereka yang telah dikenakan tindakan kompaun akibat kesalahan merokok di kalangan remaja.
122. PR-1242-L44693
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
- (a) pendirian Malaysia terhadap pergolakan yang berlaku dikebanyakan negara seperti Bahrin, Sudan, Mesir, Libya dan beberapa negara Asia Barat yang lain; dan
 - (b) apakah kesan kepada kepetingan Malaysia terutama berkaitan ekonomi dan lain-lain bidang di negara-negara berkenaan dan apakah langkah dilakukan bagi menghadapinya.
123. PR-1242-L44103
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan punca sebenar pelajar cemerlang SPM gagal ditawarkan biasiswa JPA dan nyatakan kriteria yang ditetapkan oleh Kabinet serta langkah diambil untuk memastikan ketelusan tawaran biasiswa JPA ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 44/2010) | Rang Undang-undang Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2010 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani] | |
| 2. | (D.R. 4/2011) | Rang Undang-undang (Larangan) Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011 | “ |
| | | [Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan] | |
| 3. | (D.R. 48/2010) | Rang Undang-undang Maktab Kerjasama (Perbadanan) (Pindaan) 2010 | “ |
| | | [Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan] | |
| 4. | (D.R. 7/2011) | Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2011 | “ |
| | | [Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri] | |
| 5. | (D.R. 2/2011) | Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2011 | “ |
| | | [Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri] | |
| 6. | (D.R. 3/2011) | Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011 | “ |
| | | [Kementerian Belia dan Sukan] | |
| 7. | (D.R. 5/2011) | Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2011 | “ |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 8. | (D.R. 46/2010) | Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 | “ |
| | | [Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan] | |

9. (D.R. 45/2010) Rang Undang-undang Perbadanan
Pembangunan Kampong Bharu 2010 “

**[Kementerian Wilayah Persekutuan dan
Kesejahteraan Bandar]**
10. (D.R. 8/2011) Rang Undang-undang Organisasi
Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan)
(Pindaan) 2011 “

[Kementerian Luar Negeri]
11. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 “

[Kementerian Pertahanan]
12. (D.R. 30/2010) Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir Dan
Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010 “

[Kementerian Kewangan]
13. (D.R. 37/2009) Rang Undang-undang Cukai Barang dan
Perkhidmatan 2009 “

[Kementerian Kewangan]

14. PR-1242-U43283
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa ketika keadaan negara berada dalam keadaan aman dan tenteram, tugas Angkatan Tentera Malaysia (Darat, Udara dan Laut) tidaklah begitu berat. Dan mengambil maklum bahawa terdapat mereka yang berkhidmat dalam angkatan tentera begitu berkelayakkan tinggi, misalnya doktor perubatan, doktor gigi, jurutera mekanikal dan elektrik, jurutera awam, pentadbiran awam dan sebagainya. Dan mengambil maklum bahawa, kepakaran anggota yang disebutkan di atas sesungguhnya dapat membantu dalam pentadbiran negara dan dimanfaatkan untuk ketenteraman dan kemajuan negara. Dan mengambil maklum juga bahawa terdapat cadangan bahawa pihak tentera membantu pihak polis dalam rondaan di tempat strategik bagi memastikan keamanan negara. Selain itu, pihak tentera juga boleh membantu anggota trafik untuk mengawal lalu lintas disamping membuat kerja-kerja kemasyarakatan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, agar satu rangka kerja dapat diwujudkan agar pihak tentera dapat memainkan peranan dalam pembangunan negara melalui program-program yang dimaksudkan di atas."

(Menteri Pertahanan)

15. PR-1242-U43291

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat pegawai terutama sekali pegawai bawahan angkatan tentera, polis dan pasukan beruniform yang lain, setelah bersara wajib, mereka hidup di paras kemiskinan. Dan mengambil maklum bahawa keadaan ini berlaku kerana, latihan dan amalan tugas mereka semasa bertugas tidak dapat menawarkan mereka sebarang peluang kerja baru ataupun minat mereka selepas bersara telahpun berubah. Dan mengambil maklum bahawa, setelah bersara, sesetengah mereka tidak mempunyai sebarang rumah untuk berteduh. Dan mengambil maklum bahawa, setelah bersara, mereka tidak lagi dapat menampung persekolahan anak-anak dan diburukkan lagi dengan tidak mendapat sebarang bantuan biasiswa, oleh itu tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Dan mengambil maklum bahawa, satu program khas hendaklah dirangka bagi mereka ini, untuk melatih mereka dalam bidang yang ingin mereka ceburi selepas bersara, termasuklah untuk menyediakan tanah bagi mereka usahakan, sementara anak-anak mereka hendaklah diberikan biasiswa melalui koperasi yang berkaitan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, pihak Kerajaan menyediakan program khas bagi mereka ini untuk mempersiapkan mereka sebelum persaraan mereka."

(Menteri Dalam Negeri)

16. PR-1242-U43292

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan memaklumkan bahawa kaum Melayu dan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak diberikan kedudukan khas dan istimewa dalam Persekutuan Malaysia. Dan mengambil maklum bahawa dengan kedudukan khas dan istimewa ini, mereka yang dimaksudkan di atas diberikan keutamaan bagi pemberian biasiswa, pekerjaan dan lain-lain lagi. Dan mengambil maklum bahawa, walaupun orang asli yang terdiri daripada tiga kumpulan utama iaitu Semang (Negrito), Senoi dan Proto-Malay, telah menduduki negara ini sejak zaman nenek moyang mereka lagi, mereka telah tidak diiktiraf oleh Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dan mengambil maklum juga bahawa oleh kerana kedudukan mereka tidak termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Malaysia, mereka tidak mendapat sebarang keistimewaan sebagaimana yang diperuntukan kepada golongan yang dimaksudkan dalam Perkara 153 tersebut. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, oleh kerana orang asli juga adalah penduduk asal negara ini, maka Kerajaan hendaklah meminda Perkara 153 Perlembagaan Malaysia dengan memasukkan orang asli sebagai orang-orang yang dilindungi oleh perkara sama, sama kedudukan dengan Orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

17. PR-1242-U43302
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat banyak tanah-tanah rezab Kerajaan, tanah rezab sungai, tanah pesisir pantai, tanah-tanah rezab lainnya dan tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan. Keadaan ini tidak mendatangkan sebarang pulangan kepada ekonomi negara mahupun pemilik individu yang dimaksudkan. Dan mengambil maklum bahawa sekiranya tanah-tanah yang dimaksudkan, sekiranya diusahakan akan mendatangkan hasil yang lumayan kepada ekonomi negara terutama sekali dalam industri makanan. Dan mengambil maklum bahawa, rezab-rezab sungai juga boleh dibangunkan untuk aktiviti akuakultur dimana akan menyumbang juga kepada ekonomi negara. Dan mengambil maklum bahawa dengan adanya aktiviti ekonomi yang dimaksudkan, kawasan yang dimaksudkan juga akan dapat diperindahkan. Dan mengambil maklum bahawa, kesemua aktiviti yang dimaksudkan diatas, terutama sekali yang melibatkan tanah rezab Kerajaan dan tanah rezab sungai dapat dibangunkan dengan memberikan lesen pendudukan sementara daripada para pengusaha yang berminat untuk mengusahakan tempat tersebut mengikut kesesuaian setempat. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, Kerajaan hendaklah, melalui Kerajaan negeri masing-masing meningkatkan lagi kepenggunaan tanah yang dimaksudkan di atas bagi memantapkan lagi ekonomi negara."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

18. PR-1242-U43959
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Menteri Kesihatan memberitahu Dewan ini mengenai isi kandungan transformasi kesihatan termasuk 1 Care dan 1 Clinic. Bahawa Dewan ini memperbahaskan bagaimana 1Care ini boleh mewujudkan penjagaan kesihatan yang mampu dibayar oleh rakyat."

(Menteri Kesihatan)

19. PR-1242-U43960
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan kaedah baru kenaikan pangkat sebagai lanjutan transformasi kecemerlangan pendidikan negara. Dewan ini juga hendak mendebatkan skop perjawatan diperluaskan bagi membolehkan lebih ramai dari hampir 400,000 guru mendapat kenaikan pangkat."

(Menteri Pelajaran)

20. PR-1242-U44889

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama".

(Perdana Menteri)

21. PR-1242-U44890

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Pembaikan Perjalan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). "

(Menteri Dalam Negeri)

22. PR-1242-U43366

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang dan membuat ketetapan mengenai pengeluaran serta pemberian kontrak-kontrak kepada kontraktor bagi pembinaan-pembinaan infrastruktur dan bangunan bukan sahaja dengan kelas khas contohnya Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) kelas A tetapi haruslah memastikan agar kontraktor-kontraktor mematuhi segala syarat dan keperluan kejuruteraan seperti mana yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Pemantauan rapi haruslah dilaksanakan dengan telus dan tegas supaya betul-betul dapat mengelakkan daripada kecuai semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan. Ini tentu sekali dapat memastikan tidak ada kejadian yang tidak diingini berlaku seperti bangunan runtuh dan kecacatan infrastruktur sebelum dan selepas tempoh jaminan."

(Menteri Kewangan)

23. PR-1242-U43375

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang serta memutuskan agar rakyat Malaysia terutamanya di media massa untuk menghentikan perbalahan mencaci dan meragui kepercayaan agama dan kebebasan beragama masing-masing seperti mana yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia serta menghormati Rukun Negara.

Media-media massa yang tidak bertanggungjawab dan tidak menghormati ini dan mengeluarkan berita tanpa siasatan dan mengakibatkan keraguan serta berkemungkinan boleh mencetuskan kebimbangan serta percacihan di antara rakyat yang menghormati kaum yang berbilang di negara ini."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

24. PR-1242-U43381

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang untuk menyiasat dengan seriusnya mengenai keadaan pertumbuhan penduduk di Sabah yang mendadak sekali sehingga melebihi kadar peratus pertumbuhan yang biasa mengikut perbandingan bancian penduduk sejak tahun 1970 hingga bancian terkini 2010. Pengawalan serta penyiasatan pertumbuhan penduduk ini tentunya mempunyai dasar dan pengurusan agar rakyat Malaysia di Sabah dapat menjalankan taraf kehidupan yang baik, jauh dari kemiskinan, malapetaka serta keraguan di antara mereka."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

25. PR-1242-U44783

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Pilihan raya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula bagi melengkapi sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan sendiri dalam Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

26. PR-1242-U44788

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menyalurkan peruntukan tahunan kepada Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat yang mewakili kawasan-kawasan yang dimenangi sebagaimana yang diberikan kepada wakil-wakil rakyat BN, supaya peruntukan dapat disalurkan untuk manfaat pengundi dan kawasan yang diwakili, sepertimana yang diamalkan di Negara Taiwan. Langkah menyekat peruntukan tahunan wakil rakyat PR sebenarnya adalah satu diskriminasi politik ke atas para pengundi dan rakyat keseluruhannya dan sekatan amalan demokrasi itu sendiri dan tidak wajar peruntukan itu disalurkan kepada parti-parti komponen BN untuk kegunaan mereka."

(Menteri Kewangan)

27. PR-1242-U44154
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, ramai yang mempertikaikan Malaysia berkaitan tahap kebebasan media yang diamalkan sejak kebelakangan ini. Ada juga pihak yang menyatakan bahawa kebebasan media Malaysia sudah tidak bernyawa lagi akibat kekebalan undang-undang. Sebagai sebuah negara mengamalkan sistem Demokrasi berparlimen ianya cukup penting untuk memberikan peranan yang tinggi kepada kebebasan media kerana ianya bersangkut paut dengan demokrasi negara. Apakah daya yang mampu diperkenalkan oleh industri media dalam menyalurkan berita tepat dan benar kepada seluruh rakyat jikalau pelbagai Akta berkaitan media yang sanggup menggari kebebasan media dinegara ini. Maka dengan itu segala AKTA dan UNDANG-UNDANG yang mengongkong kebebasan media harus dimansuhkan dengan kadar segera dalam melahirkan usaha baru bagi mencerminkan kemuliaan kebebasan media di Malaysia".

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

28. PR-1242-U44981
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan memohon Kementerian Pelajaran ini mengkaji semula syllabus yang sedia ada bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan peringkat sekolah rendah dan menengah bagi penyediaan melahirkan lagi insan yang benar-benar berpendidikan, berpengetahuan dan berketerampilan dengan menitikberatkan elemen kokurikulum dalam penilaian pencapaian."

(Menteri Pelajaran)

29. PR-1242-U44983
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kerajaan menyediakan garis panduan di peringkat kebangsaan bagi menyelaraskan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti-mufti di peringkat negeri."

(Perdana Menteri)

30. PR-1242-U44985
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji semula dasar Pasar Larut Malam dan lain aktiviti dalam usaha mengekalkan keperluan tubuh manusia yang memerlukan waktu malam untuk beristirehat dan siang bekerja. "

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

31. PR-1242-U45062
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan mengkaji untuk memperbanyakkan lagi AP untuk bahan gula dan beras agar harga dapat diturunkan. Dengan adanya oligopoly akan dapat menurunkan harga dan manafaatnya akan dinikmati oleh masyarakat."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

32. PR-1242-U45063
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengadakan satu mekanisma untuk menghalang warga negara menikmati subsidi ke atas barangan seperti beras, gula, minyak masak dan bahan api."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

33. PR-1242-U45064
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Pengangkutan pihak pengendali Touch & Go mengadakan lorong tambah nilai di laluan Plaza Tol bagi kemudahan pengguna tanpa ke pejabat atau agen Stesyen minyak. Melalui agen dikenakan caj 50 sen bagi setiap top-up manakala di pejabat pula menyusahkan pengguna."

(Menteri Kerja Raya)

34. PR-1242-U43833

Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Perdana Menteri supaya tampil ke Mahkamah Perancis untuk membersihkan nama Negara Malaysia dan menjelaskan urus niaga yang berkaitan dengan Syarikat Armanis dan transaksi kewangan yang bernilai RM 30 juta dan RM 2.5 juta kepada syarikat Gifen yang berpangkalan di Malta. Dokumen-dokumen telah diperolehi oleh Pihak Berkuasa Perancis setelah menyerbu Syarikat DNCS dibawah Akta Kebebasan Maklumat. Menurut peruntukan Konvensyen Korupsi Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 2002 yang membenarkan untuk memanggil individu yang terlibat termasuk pemimpin tertinggi sesebuah negara. Jika gagal dijalankan, Warren Geledah Antarabangsa akan digunakan untuk memaksa individu itu membari keterangan."

(Perdana Menteri)

35. PR-1242-U43387

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan agar Kerajaan mengkaji semula kenaikan gaji yang diumumkan baru-baru ini dimana Guru Besar Sekolah Rendah yang mempunyai pelajar yang sedikit dikekalkan gaji mereka pada DGA 32 manakala Penolong Guru Besar Sekolah Rendah Cluster dinaikkan gaji mereka dari DGA 32 kepada DGA 34."

(Perdana Menteri)

36. PR-1242-U43398

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk menyediakan saluran Khas di televisyen yang dapat menyiarkan secara langsung persidangan penuh di Dewan Rakyat supaya orang awam lebih maklum tentang perbincangan yang dibuat oleh Ahli Parlimen mereka".

(Perdana Menteri)

37. PR-1242-U43402

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mendesak agar Kerajaan dapat mewajibkan pilihanraya Kerajaan tempatan supaya perkhidmatan akan menjadi lebih baik dan kerja-kerja yang diberikan kepada sub kontraktor perlu diawasi oleh kerajaan tempatan bagi mengelakkan penyelewengan".

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

38. PR-1242-U43408

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menangani salah laku Pegawai Polis dimana terdapat terlalu ramai yang ditahan reman mati di dalam lokap".

(Menteri Dalam Negeri)

39. PR-1242-U43419

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk ISA dan semua tahanan yang ditahan di ISA dibicarakan di Mahkamah terbuka atau dibebaskan jikalau tidak ada bukti yang mencukupi untuk mendakwa mereka".

(Menteri Dalam Negeri)

40. PR-1242-U43421

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mencadangkan bahawa semua jawatan kosong dalam sektor awam dapat diiklankan di dalam semua surat khabar utama supaya orang awam dari semua golongan rakyat dapat memohon jawatan tersebut".

(Perdana Menteri)

41. PR-1242-U43424

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mengawal penjualan asid secara terbuka dan menjadikan asid sebagai barangan kawalan atau penjual-penjual haruslah menulis nama dan nombor kad pengenalan mereka yang membeli asid bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku seperti kejadian pembuangan asid terhadap wanita-wanita yang banyak berlaku sekarang di negara ini."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

42. PR-1242-U43425

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan membina lebih banyak Muzium Memorial yang melambangkan sejarah Malaysia contohnya Yap Ah Loy, Bapa Pembangunan Awal Kuala Lumpur bagi mengenang jasa mereka."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

43. PR-1242-U43427

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan agar Kerajaan mengambil keputusan untuk memansuhkan undi Pos".

(Perdana Menteri)

44. PR-1242-U43429

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan supaya harga petrol dan gula tidak dinaikkan lagi kerana kenaikan harga petrol dan gula secara mendadak kebelakangan ini amat membebankan rakyat kerana harga barangan lain juga akan turut naik. Kerajaan harus memastikan bil-bil utiliti tidak dinaikkan."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

45. PR-1242-U43431

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengarahkan Kerajaan untuk membina lebih banyak sekolah Cina dan Tamil di kawasan-kawasan yang terdapat ramai pelajar Cina dan Tamil memandangkan peningkatan pelajar-pelajar yang belajar di Sekolah Cina dan Tamil."

(Menteri Pelajaran)

46. PR-1242-U43756

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya untuk syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan.

Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

(Menteri Pertahanan)

47. PR-1242-U43407

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan penguatkuasa undang-undang yang lebih tegas tapi adil dalam menangani insiden-insiden yang mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam. Dewan sedar akan pertimbangan implikasi politik namun keselamatan rakyat dan negara adalah tanggungjawab Kerajaan yang dipilih rakyat" .

(Menteri Dalam Negeri)

48. PR-1242-U43410

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Dalam Negeri menggantung pendaftaran mana-mana parti politik dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang memperalatkan agama untuk memporak-perandakan ketenteraman hidup rakyat Malaysia pelbagai kaum yang hidup aman damai. Dewan akur bahawa langkah sedemikian perlu bagi mengekalkan perpaduan yang terjalin dikalangan rakyat sejak sebelum Merdeka ".

(Menteri Dalam Negeri)

49. PR-1242-U43412

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan agar lagu tema 1Malaysia yang diterbitkan Lim Kok Wing Sound and Music Design Academy dijadikan sebagai lagu wajib di setiap sekolah dan pusat pengajian di dalam negara. Dewan sedar tindakan ini mampu memperkukuhkan perpaduan dan mencungkil rasa cinta kepada tanah air."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

50. PR-1242-U43414
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mencadangkan agar pihak Menteri Belia dan Sukan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memerangi gejala rasuah dalam bidang sukan. Dewan mendesak agar pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dijadikan 'rakan aktif' dalam menangani gejala ini, terutamanya dalam sukan bola sepak negara".

(Menteri Belia dan Sukan)

51. PR-1242-U43471
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Dalam Negeri membentangkan satu laporan penuh berhubung pelaksanaan kaedah "Saman Ekor". Dewan membuat ketetapan laporan tersebut perlu untuk memperjelaskan kedudukan sebenar kaedah "Saman Ekor" yang telah banyak mengundang debat umum."

(Menteri Dalam Negeri)

52. PR-1242-U43476
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan mendesak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan dasar Persekutuan dipatuhi di peringkat negeri, terutamanya di negeri yang ditadbir pembangkang. Dewan mengambil maklum bahawa walaupun Kerajaan negeri mempunyai hak seperti yang termaktub didalam Perlembagaan, namun penyalahgunaan hak tersebut demi kelangsungan politik boleh memudaratkan kesejahteraan rakyat."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

53. PR-1242-U44950
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa Bangsa-Bersatu pada 18 December 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan

hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

(Menteri Luar Negeri)

54. PR-1242-U44952

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya DiRaja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan, kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

(Menteri Sumber Manusia)

55. PR-1242-U44876

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengambil langkah segera bagi meringankan beban rakyat dengan menghapus dan memansuhkan semua jenis tol di lebuhraya Malaysia."

(Perdana Menteri)

56. PR-1242-U44878

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengambil tindakan membatalkan semua jenis saman ekor tertunggak yang berjumlah 15 juta saman setelah perlaksanaan format dan Akta Pengangkutan Jalan Pindaan 2010 dikuatkuasakan."

(Menteri Dalam Negeri)

57. PR-1242-U44880

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menutup syarikat Felda Plantation dan mengagihkan tanah milik Felda Plantation kepada generasi kedua dan ketiga peneroka Felda."

(Perdana Menteri)

58. PR-1242-U44881

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan memberikan pengiktirafan peranan dan jasa kakitangan awam dengan mengkaji semula struktur gaji bermula dengan menaikkan Imbuhan Perguruan sebanyak RM500 sebulan setiap seorang guru sebagai penghargaan kepada guru."

(Perdana Menteri)

59. PR-1242-U44883

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menaikkan royalti minyak kepada negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan kepada 2 peratus."

(Menteri Kewangan)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri yang Bertanggungjawab
1. 13.6.2011 (Isnin)	1. YB. Dr Jeyakumar Devaraj (Sg Siput)	1. Perumahan untuk Keluarga berpendapatan di bawah RM3000 di Bandar.	1. YAB Menteri Kewangan
2. 13.6.2011 (Isnin)	2. YB. Tuan Jeff Ooi (Jelutong)	2. Ancaman “Menang Jadi Arang, Kalah Jadi Abu.”	2. YB Menteri Dalam Negeri